

SISTEM TEMPAHAN PADANG STADIUM MAK CHILI

MUHAMMAD AMMAR RAFIQ BIN ZAMRI
DALBIR SINGH

*Fakulti Teknologi & Sains Maklumat,
Universiti Kebangsaan Malaysia*

ABSTRAK

Sistem tempahan stadium merupakan satu sistem yang dibangunkan untuk kegunaan pihak Mini Stadium Mak Chili, Kemaman dan setiap pasukan yang berada di komuniti itu. Kaedah tempahan stadium yang sedia ada sekarang mempunyai beberapa kekurangan dan sewajarnya ditambah baik lagi. Sistem ini dibina dengan menggunakan “Web Programming”. Ianya dibangunkan bagi menyedia satu kaedah dalam menempah dan memanfaatkan fasiliti yang ada di Stadium Mak Chili . Didalam sistem ini turut disertakan informasi dan perincian setiap pasukan yang berada di daerah tersebut bagi memudahkan urusan pencarian pasukan lawan. Selain itu , sistem ini turut menunjukkan jadual perlawanan yang akan datang. Oleh itu, kewujudan sistem ini akan memudahkan urusan pihak stadium serta pasukan yang berada di komuniti ini sekaligus mampu memeriahkan lagi sukan nombor 1 tanah air itu.

1 PENGENALAN

Dalam era globalisasi yang kian memuncak kini, kebanyakan masalah dalam pengurusan yang wujud dalam sesebuah organisasi dapat diselesaikan dengan menggunakan teknologi berteraskan komputer iaitu Sistem Maklumat dimana ia selari dengan perkembangan teknologi maklumat. Oleh itu timbul sebuah idea untuk mengkomputerkan satu rutin harian yang dijalankan oleh pihak pengurusan Stadium Mak Chili, Kemaman, Terengganu iaitu catatan rekod tempahan stadium dan penjadualan perlawanan yang terdapat di Stadium Mak Chili. Isu tempahan stadium yang sekian lama telah tumbuh di komuniti bola sepak di daerah ini khasnya seharusnya dipandang serius sebagai salah satu usaha untuk memajukan sukan nombor satu tanah air ini. Setiap komuniti bola

sepak seharusnya memainkan peranan yang penting seiring dalam melahirkan bakat-bakat muda yang mampu berdaya saing dalam sukan ini. Dengan wujudnya sistem ini, kita mungkin menjangkakan aliran tempahan fasiliti di Stadium Mak Chili akan lebih lancar. Melalui perbualan telefon bersama salah seorang pengurusan di Stadium Mak Chili iaitu Cik Sarah Nur Nadiyah Binti Azmi pada 28 oktober 2021, beliau menyatakan bahawa sedikit terbeban dengan sistem lama dimana masih ada yang menelefon beliau pada waktu 12 malam hanya untuk bertanyakan tentang kekosongan padang. Bukan itu sahaja, ada juga pasukan yang membatalkan tempahan sebelum perlawanan yang menyebabkan kerugian kepada pihak stadium . Oleh itu, projek ini dibangunkan adalah untuk mengatasi masalah pada sistem yang sentiasa ada.

2 PENYATAAN MASALAH

Stadium merupakan sebuah tempat yang menyediakan pelbagai jenis fasiliti seperti padang bola sepak. Kemudahan sukan seperti stadium ini memainkan peranan yang sangat penting terutamanya dalam meningkatkan taraf bola sepak di sesebuah komuniti. Stadium Mak Chili, Kemaman tidak lari dari dijadikan sebagai pusat sukan terutamanya buat warga daerah ini. Rekod menunjukkan fasiliti di stadium ini bukan hanya disewa oleh pasukan yang berpusat di daerah ini, bahkan juga menjadi tempat untuk pasukan-pasukan lain yang berada di pantai timur untuk bermain. Namun, disebalik kemegahan stadium yang menjadi stadium rasmi pasukan Real Chukai FC ini, masih terdapat beberapa kekurangan terutamanya dalam sistem tempahan padang stadium ini. Melalui kajian dan hasil temubual diatas talian bersama pihak pengurusan Stadium Mak Chili pada 28 oktober 2021, antara masalah yang dapat dikenalpasti adalah seperti pasukan bolasepak di komuniti ini membatalkan tempahan padang stadium pada saat-saat akhir yang telah menyebabkan kerugian kepada pihak stadium. Antara sebab-sebab yang mendorong kepada terjadinya perkara ini adalah kegagalan dalam mencari pasukan lawan yang menyebabkan mereka terpaksa membatalkan tempahan pada saat akhir. Para pasukan bolasepak disini juga tidak tahu bagaimana untuk mencari pasukan lawan yang sesuai dengan tahap permainan pasukan mereka kerana tiada platform untuk mereka mencari lawan yang setaraf dengan mereka. Tiada platform media sosial yang mengumpulkan kesemua pasukan di lokaliti ini bersama dengan pihak stadium juga menyebabkan mereka bagaikan sukar untuk mengetahui kemas kini terbaru dari pihak stadium. Cara yang digunakan untuk menempah padang Stadium Mak Chili pada masa kini adalah

tempahan melalui applikasi whatsapp sahaja. Mereka harus bertanya terlebih dahulu kepada pihak stadium bilakah tarikh yang masih kosong untuk ditempah. Pihak stadium juga ada memaklumkan bahawa ada diantara mereka yang menelefon pada waktu malam hanya untuk menanyakan soal kekosongan padang. Bukan itu sahaja, sehingga kini masih tiada sistem yang mampu memudahkan penempah padang stadium dimana mereka hanya perlu melihat kekosongan padang stadium melalui atas talian sahaja. Kadang kala, perkara ini menyebabkan kepada percanggahan antara kekosongan padang stadium dan juga komitmen kehidupan setiap pasukan. Hasrat saya adalah untuk membangunkan sebuah sistem tempahan yang dapat memudahkan pihak stadium dan juga para pasukan yang ingin bermain di padang ini. Saya yakin bahawa sistem yang akan saya bangunkan dengan beberapa ciri yang menarik ini mampu menyelesaikan masalah yang berlaku di stadium ini.


3 OBJEKTIF

Projek ini bertujuan untuk membangunkan satu sistem tempahan padang Stadium Mak Chili, Kemaman. Ia dibangunkan supaya dapat memudahkan urusan penempahan padang stadium, baik dari pihak stadium mahupun pihak penempah itu sendiri. Disamping itu, pihak stadium juga bebas dalam memberikan info terbaru berkaitan stadium. Sebagai contoh stadium ditutup selama seminggu untuk tujuan penyelenggaraan. Ia juga membantu setiap penempah untuk membuat keputusan berdasarkan jadual tentang ketersediaan padang stadium

4 METOD KAJIAN

Metodologi adalah antara peringkat yang terpenting dalam pembangunan sesebuah projek. Hasil dapatan yang dilakukan dalam kajian awal akan digunakan sepenuhnya pada peringkat ini. Oleh itu, pemilihan kaedah sebagai metodologi bagi pembangunan sistem ini adalah "Waterfall Model". Terdapat lima fasa iaitu fasa Analisis Keperluan, fasa Merekabentuk Sistem, Pelaksanaan dan Pembangunan, Pengujian dan fasa terakhir adalah fasa Penyelenggaraan. Tujuan penggunaan Model "Waterfall Model" ini kerana ia amat bersesuaian dengan fasa pembangunan projek ini. Sesuatu perkara itu lebih senang untuk diselesaikan sekiranya sesuatu permasalahan itu

diselesaikan terlebih dahulu sebelum ke fasa seterusnya. Bagi menjamin sistem yang dihasilkan adalah berkualiti dan sempurna, model ini merupakan kitar yang lengkap dan memainkan peranan yang sangat penting.



Rajah 1.1 Waterfall Model

4.1 Fasa Perancangan

Fasa Perancangan merupakan fasa terpenting dalam pembangunan Sistem Tempahan Stadium Mak Chili secara Dalam Talian, dimana perancangan dalam membangunkan sistem ini adalah jelas dan kajian awal terhadap sistem dititikberatkan. Masalah yang terlibat dengan projek yang akan dibangunkan akan dikenalpasti. Dalam fasa ini, kami akan mengenalpastikan tujuan dan cara-caranya untuk membina sistem ini. Selain itu, skop dan objektif projek juga dibincangkan dalam fasa ini.

4.2 Fasa Analisis

Analisis terhadap sistem adalah sangat penting bagi mengetahui kelemahan- kelemahan yang dihadapi oleh sistem semasa. Sistem sedia ada yang telah dikaji akan dijadikan sebagai rujukan bagi memudahkan maklumat yang dikumpul dianalisis. Tujuan mengkaji sistem ini adalah untuk membangunkan sebuah sistem yang dapat memenuhi keperluan dan kehendak pengguna. Selain itu, pengumpulan maklumat tentang beberapa fasiliti sukan yang turut menggunakan sistem tempahan atas talian juga dilakukan dalam fasa ini. Isi kandungan dan skop berkenaan juga dikenalpastikan dalam fasa ini.

4.3 Fasa Rekabentuk

Sistem Tempahan Padang Stadium Mak Chili secara Dalam Talian akan direka bentuk dalam fasa ini. Sistem akan dibangunkan sesuai dengan kehendak pengguna an sepatutnya berjaya menyelesaikan masalah yang sedia ada.

4.4 Fasa Implementasi

Dalam fasa implementasi , Sistem Tempahan Padang Stadium Mak Chili secara Dalam Talian akan dibina dan diuji sama ada dapat berfungsi seperti mana yang direkabentukkan. Fasa ini dijalankan untuk mengenalpasti bahawa sistem yang dibangunkan bebas daripada sebarang kesalahan.

4.5 Fasa Pengujian

Dalam fasa pengujian, sistem akan diuji secara keseluruhan apabila Sistem Tempahan Padang Stadium Mak Chili secara Dalam Talian ini selesai dibina

5 HASIL KAJIAN

Antara muka sistem yang ditunjukkan adalah antara muka yang sebenar yang akan digunakan sepenuhnya semasa pembangunan sistem. Antara muka ini telah diuji untuk meningkatkan keberkesanan penggunaan fungsi yang terdapat pada Sistem Tempahan Padang Stadium Mak Chili ini. Susun atur setiap elemen pada antara muka sistem adalah penting untuk keberkesanan sistem dan keselesaan pengguna

a) antara muka daftar pengguna


Untuk mendaftar sebagai pengguna, pengguna haruslah mengisi "Full Name", "Username", "Phone Number", "Password" dan "Repeat Password". Kemudian pengguna harus mengklik butang "Sign Up" untuk mengesahkan pendaftaran.

The screenshot shows a web browser window with the URL localhost/latest/signup.php. The page has a header with a logo and navigation links for 'Login' and 'Sign Up'. The main content area is titled 'Sign Up' and contains a registration form with the following fields: Full Name, Username, Phone Number, Password, and Repeat Password. Below the form, there is a link 'Already has account? Login' and a yellow 'Sign Up' button. The background of the page features a soccer player in an orange jersey and a set of keys.

Rajah 5.1 Antara muka daftar pengguna

b) antara muka log masuk


Selepas mendaftar sebagai pengguna, pengguna boleh log masuk kedalam sistem dengan mengisi "username" dan "Password". Selepas itu, pengguna haruslah menekan butang "Log In" untuk masuk kedalam sistem.



Rajah 5.2 Antara muka log masuk

c) antara muka menyemak perlawanan akan datang


Walaupun tidak berdaftar dengan sistem, pengguna dibenarkan untuk menyemak perlawanan yang akan datang. Pengguna boleh menyemak tarikh dan slot yang ditempah oleh pasukan lain.



Rajah 5.3 Antara muka menyemak perlawanan akan datang

d) antara muka menyemak kemaskini stadium

Untuk mengetahui situasi terkini berkenaan stadium, pengguna boleh menekan butang “Upates” di bahagian sebelah atas. Segala kemaskini yang terbaru berkenaan stadium akan diletakkan disini.



Rajah 5.4 Antara muka menyemak kemaskini stadium

e) Antara muka mendaftar pasukan

Pengguna hendaklah mendaftar pasukan sebelum melakukan tempahan .

Rajah 5.5 Antara muka daftar pasukan

f) antara muka menempah padang stadium

Pengguna boleh menyemak slot padang yang kosong sebelum melakukan tempahan padang. Pengguna hendaklah mengisi nama pasukan yang telah didaftar dan juga nama pasukan lawan yang berdaftar. Sekiranya slot masih kosong, pengguna dibenarkan untuk menempah secara atas talian.



Rajah 5.6 Antara muka menempah padang stadium

6 KESIMPULAN

Kesimpulannya, Sistem Tempahan Padang Stadium Mak Chili dibangunkan adalah bertujuan untuk memenuhi segala objektif bagi sistem ini. Sistem ini adalah dibangunkan untuk membantu pengguna padang Stadium Mak Chili dalam memudahkan urusan tempahan padang .

7 RUJUKAN

1. Panduan Penulisan Tesis Gaya UKM
2. Wikimedia Foundation. (2021, October 4). *Pangkalan Data*. Wikipedia. Retrieved November 3, 2021, from https://ms.wikipedia.org/wiki/Pangkalan_data.
3. Putrajaya, P. (n.d.). Sistem Pengurusan tempahan. Retrieved November 3, 2021, from <https://spt.ppj.gov.my/sportvirtual/info/2/4/02-11-2021/02-11-2021>.
4. All. Futsal Zaaba. (n.d.). Retrieved November 3, 2021, from <https://futsalzaaba.storehub.me/collections/all?page=1>.
5. *Softtrade Online Facility Reservation System - Softtrade online - softwares you can trust*. Google Sites. (n.d.). Retrieved November 3, 2021, from <https://sites.google.com/site/softtradeit/facility-booking-system>.